

SOALAN NO. : 369

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]

SOALAN:

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan langkah – langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah banjir di Sg. Bidut, Jalan Chew Kung dan kawasan Lebaan. Bilakah projek-projek itu akan siap dan jumlah kos bagi setiap projek.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah banjir di Sungai Bidut melibatkan kawasan pertanian yang agak luas. Oleh itu, pembinaan rumah pam untuk mengatasi banjir adalah tidak disarankan di Sungai Bidut dari segi praktikal kerana kos pembinaan, kos operasi dan kos penyelenggaraan yang tinggi.

Sehubungan itu, bagi mengurangkan kesan banjir di Sungai Bidut, Kerajaan telah membelanjakan RM3 juta bagi tempoh 2 tahun iaitu pada tahun 2011 dan 2012 untuk melaksanakan kerja-kerja meninggikan jalan raya, membina pintu air, membina pembentung dan menaiktaraf saliran.

Sekian, terima kasih